

NO. SOALAN: 210

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR

RUJUKAN : 9808

SOALAN:

Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status terkini berhubung tindakan ataupun siasatan pihak polis berkenaan laporan terhadap bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi seperti yang dilaporkan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

JAWAPAN:

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah merujuk kertas siasatan yang dijalankan terhadap Ketua Pegawai Eksekutif 1Malaysia Development Berhad seperti yang dilaporkan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) kepada Jabatan Peguam Negara dan masih menunggu arahan lanjut daripada Jabatan Peguam Negara.